

Perantau digalak jalani ujian RTK sebelum pulang beraya

Syaherah Mustafa - April 24, 2022 @ 4:06pm
bhnews@bh.com.my

KOTA BHARU: Perantau yang mahu pulang ke Kelantan sempena I Syawal digalakkan menjalani kit saringan pantas (RTK) antigen sebagai persediaan dalam membendung penularan COVID-19.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob berkata, ia adalah tindakan terbaik atas rasa tanggungjawab, namun tiada paksaan.

Katanya, tiada tambahan prosedur operasi standard (SOP) kepada perantau, tetapi mereka dinasihatkan sentiasa mematuhi arahan untuk mengelak sebarang perkara tidak diingini.

"Walaupun majoriti sudah mengambil vaksinasi lengkap dan dos penggalak, SOP tetap perlu dipatuhi selain digalakkan menyambut Hari Raya dalam keadaan bersederhana.

"Kita belum bebas 100 peratus daripada wabak Covid-19, tetapi aktiviti ziarah sepanjang Hari Raya Aidilfitri dibenarkan dengan syarat semua pihak menjaga SOP sedia ada.

"Kerajaan membenarkan kenduri dan majlis keramaian diadakan, justeru tiada masalah untuk membuat rumah terbuka tetapi perlu memastikan kapasiti tetamu adalah yang dibenarkan," katanya

Beliau ditemui selepas menyampaikan sumbangam biskut raya kepada ahli Kelab Media Kelantan Darul Naim (KEMUDI) di kediaman rasmi Menteri Besar Kelantan, di sini, hari ini.

Akhbar sebelum ini melaporkan polis Kelantan menjangkakan kira-kira dua juta kenderaan memasuki negeri itu sempena Aidilfitri susulan kesesakan yang berlaku ketika permulaan Ramadan lalu.

Ahmad turut menasihatkan perantau agar berhati-hati di jalan raya ketika pulang ke kampung bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini.



Ahmad menyampaikan sumbangam biskut raya kepada salah seorang ahli Kelab Media Kelantan Darul Naim (KEMUDI). - Foto NSTP/Syaherah Mustafa